

09 SEP 1999

MAHATHIR-RINGGIT

PARITI RINGGIT SEKARANG KEPADA DOLAR AS TIDAK BURUK BAGI M'SIA, KATA MAHATHIR

BANGI, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berakta pariti ringgit sekarang kepada dolar AS tidak sama sekali buruk bagi negara ini.

"Satu perkara sahaja ialah bahawa kos import akan menjadi lebih tinggi tetapi kita mengeluarkan lebih banyak untuk eksport ... (pariti sekarang demikian) bahawa kita akan menjadi lebih kompetitif lagi," katanya menjawab artikel di dalam Wall Street Journal kononnya ringgit dinilai rendah.

Mengenai saranan bahawa ringgit yang dinilai rendah akan menyebabkan inflasi, perdana menteri berkata Malaysia telah dapat mengawal inflasi.

"Dan malahan Malaysia adalah salah satu daripada segelintir negara di dunia yang mempunyai kawalan ahrga."

Malah apabila tiada peperangan atau darurat, harga barang-barang perlu sentiasa diawasi supaya bakal pencari untung tidak dapat menaikkan harga, katanya.

Perdana menteri bercakap kepada pemberita selepas mengadakan dialog tertutup dengan pelajar-pelajar institusi-institusi pengajian tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini.

Kepada satu soalan sama ada sesetengah negara akan mengikut Malaysia dalam mengadakan kawalan tukaran wang berpilih-pilih memandangkan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) telah mengakui kebijak sanaan langkah-langkah Malaysia itu, katanya adalah tidak mudah bagi negara-negara lain mengikut contoh Malaysia kerana "kita mempunyai kekuatan dalaman daripada segi rizab dan pembelian dagangan."

Dr Mahathir, dalam mengulas mengenai pujian IMF terhadap kawalan tukaran wang berpilih-pilih Malaysia, berkata, "sebelum ini kita dikritik kerana bodoh melaksanakannya tetapi nampaknya pengkritik-pengkritik kita telah mengubah fikiran mereka." -- BERNAMA

RA SHY OS